



Edisi : April Bil: 1/14

Organisasi dan Perlantikan AJK Surau, AJK Kesihatan, AJK Kantin, bagi tahun 2014

Perlaksanaan perubahan organisasi syarikat yang baru bagi tahun 2014 bermula pada bulan Mac yang lalu. Ini merupakan satu perubahan yang telah dibincangkan oleh pihak pengurusan bagi meningkatkan lagi produktiviti setiap pekerja.

Perubahan ini berlaku di tiga jabatan iaitu Production, PPC dan QA/QC. Mereka adalah Hasbullah Adinan Bin Mat Jalid yang ditukarkan dari PPC ke Production, Dzulkifli Bin Tahar dari QA/QC ke Production, Muhamad Zamzuri Bin Ishak juga dari QA/QC ke Production, Mior Hanafi Bin Mior Azini dari Production ke PPC dan Mat Jais Bin Hasan dari Production ke QA/QC.

Selain itu, empat orang pekerja dinatakan jawatan, mereka adalah Nor Azlan Bin Mahmud (PPC) dinaikkan ke jawatan Manager, Rosnani Binti Ismail (ENG) ke Executive, Mohd Zaki Bin Manap (P&M) ke Jr. Executive dan Mohd Syahidan Bin Bakarudin (Prod) ke Technician.

Pihak pengurusan juga telah melan tik beberapa jawatankuasa lain bagi membantu syarikat merancang dan

melaksanakan aktiviti—aktiviti yang bersesuaian dengan jawatan kuasa masing-masing. Perlantikan jawatan kuasa ini berkuatkuasa pada 10.02.2014 untuk sesi 2014/2015.

Jawatan kuasa tersebut adalah AJK Kantin yang diketuai oleh Mohd Asrul Arashi Bin Sadali (P&M), AJK Kesihatan yang diketuai oleh Muhammad Zarul Nizam Bin Pahzin (QA/QC) dan AJK Surau yang diketuai oleh Mohd Syakirin Bin Zainuddin (Prod). Setiap jawatan kuasa mempunyai seramai lapan orang ahli.

Setiap jawatan kuasa perlu merancang aktiviti-aktiviti yang bersesuaian bagi menjaga keharmonian dan merapatkan perhubungan antara pekerja, pihak syarikat dan masyarakat setempat. Jawatan kuasa boleh mengemukakan cadangan kepada pihak pengurusan untuk melaksanakan sebarang aktiviti.

Patuhi Jadual OT Baru yang telah ditetapkan

Pada 17.02.2014 yang lalu Jabatan Sumber Manusia (HR) telah mengeluarkan satu memo berkaitan jadual kerja lebih masa untuk dijadikan sebagai garis panduan yang perlu dipatuhi oleh setiap pekerja yang membuat kerja lebih masa. Ini adalah untuk menyelaraskan waktu kerja lebih masa bagi memudahkan pekerja dan pengiraan kerja lebih masa.

Pekerja diingatkan untuk mematuhi jadual yang telah ditetapkan samaada waktu masuk kerja dan balik kerja kerana pengiraan kerja lebih masa adalah berdasarkan jadual tersebut. Pekerja perlu mengisi borang permohonan kerja lebih masa dan mendapatkan kelulusan sebelum kerja lebih masa dibuat.

Latihan pengungsian bangunan



Satu latihan pengungsian bangunan telah diadakan pada 15.02.2014 dengan kerjasama Balai Bomba Kuala Kubu. Latihan ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada semua pekerja bagaimana menghadapi situasi, sekiranya berlakunya kebakaran. Latihan ini telah diketuai oleh Abdul Rahim Bin Salim bersama jawatan kuasa *Fire Squad* yang telah di berikan latihan semula di balai polis Kuala Kubu penghujung tahun yang lalu dan jawatan kuasa *Emergency Response Team*.

Menurut Ketua Balai Bomba Kuala Kubu latihan kali ini adalah lebih

baik daripada latihan yang pernah dianjurkan pada dua tahun yang lalu.

Latihan ini merangkumi, proses menyelamat mangsa oleh *Fire Squad* dan mangsa diberikan rawatan awal oleh *Emergency Respond Team*. Selain itu, diadakan pertunjukan pemadam api oleh dua kumpulan *Fire Squad* menggunakan host bomba. Beberapa orang pekerja telah dipilih untuk mencuba memadamkan api menggunakan pemadam api.

Anugerah tahunan 5S dan Kaizen dan 5S 2014

Aktiviti 5S untuk tahun 2013 telah berakhir pada bulan Disember yang lalu. Keputusan untuk pemenang tahunan telah diketahui tiga pemenang dipilih dari ‘Production Zone’ dan satu pemenang dipilih dari ‘Office Zone’. Pemenang dipilih berdasarkan purata markah tahunan yang telah diterima sepanjang tahun. Hadiah menarik menanti semua pemenang.

Turut diberikan anugerah untuk Kaizen terbaik. Tiga kaizen terbaik telah dipilih berdasarkan penjimatan yang dapat dikurangkan dengan kaizen yang telah dil-

aksanakan. Hadiah juga diberikan kepada kumpulan yang telah menghantar penyertaan kaizen terbanyak. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan pada bulan hadapan.

5S bagi tahun 2014 bermula pada bulan Januari yang lalu dengan mengekalkan prestasi yang cemerlang daripada kebanyakan kumpulan. Bagi prestasi bulan Januari dan Februari kumpulan Diamond, Ironman dan Anti Spatter berjaya mengekalkan kemenangan masing-masing ditempat pertama dan kedua. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan Tough

Team bagi bulan Januari dan kumpulan Speed Supply bagi bulan Februari.

Keputusan bulan Januari dan Februari itu juga menunjukkan dua buah kumpulan yang mendapat bendera kuning iaitu kumpulan Cycle Team dan Machine Head manakala bulan Februari kumpulan Cycle Team dan Chin Fong.



Penghargaan di atas perkhidmatan selama 10,15 dan 20 Tahun

Pemberian saguhati kepada pekerja yang telah memberikan perkhidmatan selama 10,15 dan 20 tahun kepada syarikat diteruskan untuk tahun ini. Dua orang pekerja yang berkhidmat selama 20 tahun bermula pada tahun 1994 ~ 2014 iaitu Isham Bin Musa (Eng) dan Zulkifli Bin Mustapha (Eng). Mereka menerima RM 10 000, wang tunai RM2 000 untuk menunaikan fardhu haji beserta sijil penghargaan.

Bagi perkhidmatan selama 15 tahun bermula pada tahun 1999 ~ 2014 seramai empat orang dan mereka menerima pakej umrah dan RM1 000 beserta sijil penghargaan iaitu Miskinah Binti Abdullah (Eng), Rohaida Binti Basri (PPC),

Mior Hanafi Bin Mior Azini (PPC), dan Mohd Sakirin Bin Zainuddin (Prod).

Penghargaan turut diberikan kepada mereka yang telah berkhidmat selama 10 tahun bermula pada tahun 2004 ~ 2014. Mereka ialah Dzulkifli Bin Tahar (Prod), Rozaliene Binti Ibrahim (Pur), Muhammad Ali Bin Awang (Pur), dan Sulaiman Bin Ali (Prod). Mereka menerima seutas jam tangan dan sijil penghargaan.



Pekerja Terbaik Julai ~ Disember 2013

Anugerah pekerja terbaik bagi sesi Julai ~ Disember 2013 telah diberikan pada 03.03.2014 yang lalu. Pemilihan pekerja terbaik ini adalah berdasarkan kepada calon-calon yang di pilih oleh setiap ketua jabatan. Calon-calon ini dinilai berdasarkan kepada sumbangan yang telah diberikan kepada syarikat dan tanggungjawab yang ditunjukkan dalam melaksanakan setiap tugas yang telah dia manahkan.

Mereka yang berjaya ialah Mohd

Taufeq Bin Zulkifli (P&M), Alhafiz bin Yusop (QA/QC) dan Rosli Bin Yusop (PPC). Mereka menerima wang tunai RM300, seutas jam tangan beserta sijil penghargaan.

Ketiga mereka ini bersama penerima bagi sesi Januari hingga Jun iaitu Ahamad al-Qushairi Bin Bahrom (P&M), Zarul Nizam Bin Pahzin (QA/QC) dan Shahin Miah (Prod) akan dipilih semula untuk pemilihan pekerja terbaik bagi tahun 2013.

Skim Berkat Bayaran Zakat

melalui Potongan Gaji

Satu taklimat mengenai skim berkat telah diadakan pada 19.02.2014 oleh wakil dari Pusat zakat Selangor. Mengeluarkan zakat merupakan salah satu rukun islam yang wajib dilaksanakan. Zakat adalah mengeluarkan harta tertentu (pendapatan, wang simpanan, emas, KWSP, saham) pada kadar tertentu (zakat pendapatan 2.5% dari jumlah pendapatan setahun) dengan syarat-syarat tertentu (islam, merdeka, sempurna milik, cukup haul, cukup nisab).

Oleh yang demikian, pihak lembaga zakat telah menyediakan skim berkat bagi memudahkan pembayaran zakat. Skim berkat ialah kemudahan pembayaran zakat melalui potongan gaji. Pembayaran tidak terhad kepada zakat pendapatan sahaja tetapi zakat-zakat harta yang lain termasuk qada zakat.

Bagi memudahkan pengiraan zakat pendapatan, pihak lembaga zakat telah menyediakan jadual potongan zakat bulanan. Sesiapa yang berminat untuk melaksanakan pembayaran zakat pendapatan ini boleh mendapatkan borang permohonan di Norhafizah (HR). Kepada yang telah mengisi borang, potongan telah dibuat mulai gaji bulan Mac.

Penggunaan cap jari sebagai perakam waktu kerja

Seramai 55 orang pekerja tersenarai dalam percubaan perlaksanaan penggunaan cap jari sebagai perakam waktu kerja bagi menggantikan punch card berdasarkan memo yang telah dikeluarkan pada 02.04.2014. Perlaksanaan ini bermula pada 04.04.2014. Walabagaimanapun perlaksanaan ini terpaksa ditangguhkan berikutan terdapat sedikit masalah yang tidak dapat dielakkan.

Permasalahan ini sudah dapat diatasi dan percubaan ini dimulakan semula bermula 21.04.2014. Sepanjang tempoh percubaan ini, semua pekerja diminta untuk merakamkan waktu kerja menggunakan kedua-dua kaedah iaitu punch card dan cap jari. Pekerja adalah diingatkan untuk merakamkan cap jari untuk waktu masuk dan balik kerja.

Kerjasama daripada semua pekerja yang terlibat amat diharapkan. Ini bagi memastikan kelancaran penggunaan cap jari sebagai perakam waktu kerja sepenuhnya pada masa akan datang.

Skim Insurans berkelompok kepada semua pekerja bukan eksekutif

Seramai 97 orang pekerja telah terpilih untuk menerima skim insurans berkelompok yang diberikan oleh syarikat kepada semua pekerja bukan eksekutif yang telah berkhidmat lebih daripada satu tahun pada 01.01.2014. Satu taklimat berkenaan insurans tersebut telah diberikan pada 17.03.2014 oleh Pn.Hasimah.

Setiap pekerja diberikan satu kad. Kad ini hanya boleh digunakan selama satu tahun sehingga 31.12.2014. Insurans ini menawarkan RM10 000 bagi kos rawatan untuk semua jenis penyakit. Pekerja perlu menunjukkan kad ini di semua klinik-klinik panel yang terpilih. Sekiranya pekerja

mendapatkan rawatan di hospital kerajaan, kos rawatan perlu dibayar oleh pekerja terlebih dahulu dan membuat tuntutan bayaran kepada pihak insurans. Skim ini juga mempunyai khairat kematian sebanyak RM1 000.

Kepada pekerja yang masih belum mengambil kad tersebut diharap dapat berbuat demikian secepat mungkin. Syarikat akan mendaftarkan pekerja yang telah mencapai tempoh perkhidmatan selama satu tahun kedalam skim ini. Syarikat mengharapkan semua pekerja dapat menggunakan skim insurans ini dengan sebaik mungkin.

Pemberian Cenderahati Sempena Ulang tahun Kelahiran

Setiap tahun syarikat akan memberikan cenderahati sempena ulang tahun kelahiran kepada semua pekerja yang telah berkhidmat lebih daripada satu tahun.

Cenderahati ini diberikan mengikut bulan kelahiran pekerja. Bagi pekerja yang dilahirkan pada bulan Januari sehingga April cenderahati ini telah diberikan pada bulan lepas.

Bagi pekerja yang dilahirkan pada

bulan Mei sehingga Disember satu senarai nama akan dikeluarkan mengikut bulan kelahiran dan pekerja boleh mengambil cenderahati ini pada minggu pertama setiap bulan pada waktu rehat. Masa seminggu diberikan kepada semua pekerja yang terlibat untuk menuntut cenderahati ini daripada HR.

Pertandingan memancing & hari keluarga 2014

Satu pertandingan memancing yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi BISB telah diadakan pada 09.03.14 bertempat di Green Paradise Templer Park Selayang. Seramai 50 orang pekerja menyertai pertandingan ini.

Pemenang dipilih berdasarkan berat ikan yang berjaya diperoleh. Tempat pertama dimenangi oleh Muhamad Fadhil Bin Yusop Razi (Prod) dengan ikan seberat 2kg. Tempat kedua dimenangi oleh Razmil Bin Zubir (PPC) dengan ikan seberat 1.5kg. Tempat ke tiga dimenangi oleh Abdul Manaf Bin Mohd Shamsudin (Prod) dengan ikan seberat 1.2kg.

Pada bulan Mei ini pula, Kelab Sukan telah merancang untuk mengadakan Hari Keluarga. Hari Keluarga ini akan diadakan 2 hari 1 malam pada 17 & 18 Mei 2014 bertempat di Gold Coast Morib. Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk diadakan; antaranya beriadah di Theme Park, makan malam BBQ, penyampaian anugerah kemenangan 5S 2013 dan lain-lain lagi.



Saringan darah (MBS) untuk pekerja asing

Satu saringan ujian Darah (MBD) bagi mengesan Penyakit Malaria dan Filariasis dikalangan pekerja telah dijalankan oleh Unit Vektor Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor pada 05.03.2014. Saringan ujian Darah ini adalah melibatkan semua pekerja asing sahaja.

Kantin –berwajah baru

Jawatan kuasa Kantin yang baru dilantik telah melakukan perubahan dengan menawarkan kontrak perusahaan kantin kepada pengusaha baru. Pelbagai aduan diterima berkenaan pengusaha kantin yang lama dan pihak pengurusan bersetuju untuk menawarkan kontrak kantin kepada pengusaha baru.

Bermula 31.03.2014 pengusaha kantin yang baru telah mulakan operasi dengan menyediakan menu yang pelbagai dengan harga yang berpatutan.

Berdasarkan pemerhatian pekerja berpuas hati dengan perkidmatan yang disediakan dan bilangan pekerja yang makan di kantin semasa waktu rehat meningkat. Susunan kantin yang teratur juga dapat memberikan keselesaan kepada semua pekerja.

